

06 NOV 2001

DR MAHATHIR KEMBALI DARIPADA SIDANG KEMUNCAK ASEAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Asean di Brunei.

Beliau diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beberapa anggota Kabinet dan pegawai kanan kerajaan turut hadir di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini untuk menerima mereka.

Dr Mahathir berada di Bandar Seri Begawan sejak dua hari lepas bagi sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

AFY HS PR